



SIARAN MEDIA KERAJAAN NEGERI PERLIS

PERSEDIAAN NEGERI PERLIS MENGHADAPI CUACA KERING UNTUK SEKTOR PERTANIAN

1. Kerajaan Negeri Perlis mengambil maklum akan keresahan yang dialami oleh seramai **1,221** orang petani berkenaan masalah tanaman padi mereka yang rosak dan tidak menjadi terutamanya di luar kawasan pengairan MADA meliputi kawasan Titi Tinggi, Beseri, Paya dan Bintong. Hal ini adalah disebabkan sumber air bagi tujuan pengairan pertanian di Empangan Timah Tasoh tidak dapat dibekalkan ke kawasan – kawasan tersebut disebabkan penurunan paras takungan air empangan akibat cuaca kering sejak beberapa minggu yang lalu.
2. Empangan Timah Tasoh dengan keluasan 13.3km^2 pada aras takungan biasa RL29.1m mampu menampung takungan sehingga 40.0mcm (juta meter kubik). Daripada jumlah tersebut hanya 33.3mcm sahaja dapat digunakan iaitu bagi tujuan bekalan domestik ($75,000\text{ m}^3/\text{hari}$) dan pengairan kawasan pertanian seluas 3,075 hektar (55 juta m^3/tahun). Manakala selebihnya adalah takungan mati. Selain itu, empangan tersebut juga berfungsi untuk mengawal kejadian banjir pada musim hujan.
3. Berdasarkan *trend* taburan hujan yang rendah dan cuaca kering di kawasan sekitar empangan sejak beberapa minggu lalu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perlis telah melaporkan penurunan bacaan aras takungan air empangan. Sehingga **13 Ogos 2024**, bacaan aras takungan air yang direkodkan adalah sebanyak **RL26.90m** iaitu berada pada **aras amaran** dengan kapasiti takungan air semasa adalah

sekitar **38.5%**. Justeru, keutamaan bekalan air di Empangan Timah Tasoh pada masa ini hanya dihadkan bagi kegunaan bekalan domestik sahaja yang dijangka boleh bertahan untuk tempoh tiga (3) bulan sekiranya *trend* keadaan cuaca masih berterusan.

4. Berdasarkan ramalan cuaca oleh Jabatan Meteorologi Malaysia Negeri Perlis, hujan dijangka lebih kerap berlaku semasa musim peralihan Monsun Barat Daya kepada Monsun Timur Laut iaitu di antara bulan Ogos hingga September. Sehubungan itu, paras air di Empangan Timah Tasoh dijangka akan kembali normal sekiranya hujan turun dengan lebih kerap dalam tempoh tersebut.
5. Walau bagaimanapun, sekiranya *trend* cuaca kering ini berpanjangan, Kerajaan Negeri telah bersedia dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangani situasi ini. Permohonan bagi operasi pembenihan awan telah dikemukakan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan sedang menunggu kelulusan serta penyelarasan daripada pihak yang berkenaan. Pada masa yang sama juga Kerajaan Negeri melalui Exco Hal-Ehwal Agama akan mengadakan **Solat Sunat Istisqa'** untuk memohon diturunkan hujan di takungan Empangan Timah Tasoh.
6. Di samping itu, Jabatan Pertanian Negeri Perlis dan Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perlis akan membuat banciaan kepada petani-petani yang terjejas akibat cuaca kering bagi tujuan penyaluran bantuan Tabung Bencana di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Kerajaan Negeri Perlis

14 Ogos 2024